

Pertandingan Bola Sepak Piala Emas Raja-Raja 2008



Pada Oktober yang lalu pasukan Bola Sepak Staf UniMAP atau dikenali sebagai UniMAP FT telah diberi kepercayaan oleh Persatuan Bolasepak Negeri Perlis untuk mewakili negeri dalam Pertandingan Bola Sepak Piala Emas Raja-Raja yang mana sebanyak 14 buah negeri yang bertanding dan dibahagikan kepada 3 zon iaitu zon utara, zon timur dan zon barat. Pasukan Perlis (UniMAP FT) telah diletakkan dalam zon utara bersama-sama dengan pasukan negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Kedah dipilih sebagai tuan rumah bagi perlawanan zon utara. Pasukan UniMAP telah membarisi para pemain seramai 25 orang pemain yang terdiri dari kalangan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan UniMAP dan 5 orang pegawai dan dketuai oleh PM Mazelan Abdul Hamid sebagai Pengurus Pasukan. Pasukan ini dibawah kendalian En Khamal Idris Ali selaku ketua jurulatih dan turut dibantu oleh En Suhairi Bin Abd Karim selaku penolong jurulatih telah banyak membantu pasukan ini untuk menyertai kejohanan ini. Mereka telah bermain dengan

penuh bersemangat dan berjuang habis-habisan hingga mampu layak ke peringkat separuh akhir. Pada peringkat kumpulan, pasukan Perlis menjuarai dengan mencatat kemenangan 2-1 ke atas Kedah dan Perak serta seri 1-1 dengan Pulau Pinang. Pada Peringkat suku akhir pasukan Perlis-UniMAP mencatat kemenangan dengan keputusan 5-3 setelah perlawanan timbal balik. Tetapi pada peringkat separuh akhir pasukan Perlis-UniMAP bertemu dengan Naib Juara edisi lepas iaitu pasukan Kelantan. Walaupun kecundang pada pusingan pertama yang dengan 0-3 di Kota Bahru namun pasukan Perlis-UniMAP menebus kekecewaan dengan menundukkan Kelantan 2-0 dihalaman sendiri. Tetapi mengikut aggregat pasukan Perlis-UniMAP tewas dengan kiraan 2-3.



Walaupun berjaya mengharungi banyak perlawanan dan berjaya sampai ke peringkat separuh akhir namun semangat juang yang di tunjukkan mereka amatlah tinggi demi menjaga nama negeri dan juga Universiti, syabas di ucapkan.